

Wacana Islam bentuk akal budi, tolak pemikiran ekstrem

Oleh Prof Dr Munif Zahiruddin Fikri Nordin
bhrencana@bh.com.my



Profesor di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Wacana Islam menjangkau dan merentas pelbagai disiplin termasuk bidang teras seperti akidah, tafsir, hadis, syariah, fiqh, usul fiqh, bahasa Arab dan mantik. Justeru, ia meliputi bidang berkaitan praktik dan terapan Islam seperti sains, perubahan, pendidikan, politik, ekonomi serta kewangan.

Wacana Islam di negara ini sama ada bersifat intelektual mahupun awam, ia merakamkan pelbagai episod kemunculan dan perkembangan dialektik antaranya teologi, tasawuf, undang-undang dan politik Islam.

Sejak sistem demokrasi diamalkan di negara ini, politik kepartian walaupun tidak sepenuhnya mendominasi, menarik minat khalayak untuk meletakannya sebagai dialektik penting dalam wacana Islam.

Dalam tempoh antara 2013-2023, tiga Pilihan Raya Umum (PRU) diadakan turut menjadikan isu agama sebagai antara bahan didebatkan dan modal politik oleh parti bertanding.

Rakyat pasca-PRU15 pula terus menyaksikan manipulasi isu agama dalam meraih undi di Pilihan Raya Negeri (PRN) dan Pilihan Raya Kecil (PRK), baru-baru ini di sebalik nasihat dititahkan Raja-Raja dan amaran keras dikeluarkan pihak berkuasa supaya isu 3R (kaum, agama dan Raja) tidak dipolitikan.

Ada ahli politik beranggapan ideologi mereka lebih Islamik, lalu menghukum 'haram' menyokong lawan politik. Selain itu, tindakan saman, pembunuhan karakter, mencari kesalahan dan mendedahkan aib musuh politik menjadi trend.

Prinsip kesopanan dan kesusilaan dalam perba-

hasan politik di Parlimen juga sudah diketepikan hingga kualiti, tahap intelektual dan mentaliti sebilangan ahli politik dipertikaikan.

Walaupun politik penting sebagai pengawal agama yang menjadi asas politik seperti diungkapkan Imam al-Ghazali, politik bukanlah segala-galanya dalam wacana Islam. Kemiskinan, rasuah, keciciran dalam pendidikan, kekurangan kemudahan rawatan kesihatan, kos hidup tinggi dan pengangguran juga menjadi sebahagian wacana Islam.

Politik memang membuka jalan penyelesaian, tetapi sikap dan pendirian keterlaluan serta melampau dalam berpolitik tidak menjadikan wacana Islam Malaysia sebagai representasi sebenar masyarakat serta negara maju.

Wacana Islam perlu menyeluruh

Wacana Islam tidak boleh terperangkap dalam politik sempit 'Islam semangat' dan menolak 'Islam ilmu' kerana ia akan menghasilkan pemikiran serta tindakan jumud, ekstrem, fanatik dan radikal.

'Islam ilmu' ialah wacana melahirkan masyarakat berilmu, mencintai ilmu dan bertindak berdasarkan ilmu pernah melahirkan tokoh daripada Ibnu Sina dan Ibnu Rusyd hingga Imam al-Ghazali.

Wacana Islam perlu menyeluruh dan ada hala tuju kontemporari, sekali gus perlu disegarkan semula seperti wacana Islam pada 1980-an dan 1990-an yang pernah membawa Malaysia sebagai model negara dan masyarakat Islam progresif serta membangun seimbang dari segi spiritual, fizikal, emosi dan intelektual.

Hakikatnya, penyebaran naratif progresif dalam wacana Islam menggiatkan lagi pembangunan menyeluruh, manakala penularan naratif sempit dan tertutup akan merencatkan proses itu. Ciri seperti inklusif, saling menerima dan toleransi terkandung dalam naratif progresif, sedangkan eksklusif, fanatik serta kebencian termuat dalam naratif sempit.

Wacana Islam tidak sekadar mengenai ibadat harian, tulisan Jawi, adat istiadat, perkahwinan dan kematian bahkan ia tidak perlu meletakkan keutamaan kepada isu mengkafirkan Muslim lain atau polemik bacaan qunut, surah Yasin, tahlil, talkin serta doa.

Ini kerana ia perlu meliputi pembentukan pemikiran, pandangan hidup dan watak masyarakat Islam dalam konteks lebih besar, sekali gus membawa inspirasi mengajak dan menunjuk jalan kepada umat Islam dan warga Malaysia untuk memberikan sumbangan signifikan kepada masyarakat dunia.

Hala tuju wacana Islam perlu mengetengahkan kekuatan gabungan pemikiran berasaskan wahyu dan rasional, sekali gus mengangkat kepentingan falsafah, sains, teknologi, perubahan, kejuruteraan serta inovasi.

Ia perlu memberikan wajah wacana Islam sebagai pembangunan lestari, manakala interpretasi makna keagamaan tidak boleh meninggalkan pemahaman sempit dan tertutup terhadap pemikiran, akal budi, sikap serta tindakan umat Islam di negara ini.

Dengan kata lain, wacana dikemukakan mesti kontemporari, komprehensif, progresif dan dinamis berupaya memaparkan imej Islam sebenar serta mengikis perasaan benci dan takut kepada Islam atau Islamofobia.

Justeru, advokasi dasar kerajaan berkaitan wacana Islam kontemporari perlu diperkasakan khususnya oleh agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi (IPT), badan pemikir dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Hakikatnya, hala tuju itu boleh dirangkumkan dalam misi Malaysia MADANI, iaitu mengubah Malaysia menjadi negara lebih makmur dan maju berteraskan enam nilai, melalui kepercayaan antara kerajaan dengan rakyat, dasar ketelusan dan kerjasama.